

**NO. SOALAN: 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN  
HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]**

**RUJUKAN : 8007**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di bawah Akta Pencegahan Keganasan (POTA) yang melibatkan kegiatan militan Negara Islam (IS) setakat ini.

**JAWAPAN:**

**Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan (POTA) 2015 baru sahaja diluluskan di kedua-dua Dewan Parlimen pada sesi persidangan Parlimen yang lepas dan sedang di dalam proses untuk mendapatkan perkenan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebelum diwartakan untuk dikuatkuasakan. Sehubungan dengan itu, belum ada sebarang tangkapan dibuat di bawah Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan (POTA) 2015 setakat ini.**